

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 14 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 23

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 70-100067
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah benar Kementerian kurang memberi perhatian dalam merangka pembangunan kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam penyediaan kemudahan seperti tandas, lif, tangga dan landasan pejalan kaki.
2. 69-100437
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah benar Jabatan Belia dan Sukan Negeri sudah tidak mempunyai kuasa meluluskan permohonan peruntukan bantuan kewangan untuk mengadakan program yang dirancang oleh Persatuan Belia dan Persatuan Sukan.
3. 21-100098
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan memandangkan rancangan Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Pendidikan Serantau dan saingan yang dihadapi dari negara-negara jiran apakah rancangan, strategi dan insentif untuk menarik universiti-universiti luar negara yang masyhur untuk menubuhkan kampus-kampus mereka di negara kita.
4. 49-100537
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah insentif yang diberikan kepada pelaburan langsung asing selama ini masih lagi dapat menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini.
5. 62-100614
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kerajaan agar Malaysia mencapai sasaran bagi matlamat pembangunan *millennium* (MDGs) terutama yang berkaitan dengan HIV/AIDS menjelang 2015.

6. 18-100261
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak berkuasa di negara kita dapat menangani sepenuhnya masalah gengsterism yang berleluasa di bandar-bandar utama.
7. 7-100172
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan maklumat mengenai Beef Valley:-
 - (a) sama ada rancangan ini khas untuk syarikat-syarikat dengan modal besar tempatan dan luar negara; dan
 - (b) sama ada petani berpengalaman tempatan dengan modal yang sederhana boleh juga diberi peluang tanpa banyak soal jawab dan sekatan.
8. 51-100138
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pendekatan yang akan diguna pakai untuk menyerapkan pendidikan muzik ke dalam kurikulum pelajaran sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara kita.
9. 65-100145
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan khidmat yang diberikan oleh Biro Guaman kepada janda-janda yang memerlukan khidmat guaman dalam kes-kes tuntutan nafkah dan penceraian dan apakah langkah-langkah untuk memperbaikinya kalau perkhidmatan itu dirasa belum memuaskan.
10. 19-100023
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan anggota polis di seluruh negara.
11. 39-100206
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan tentang cip-cip yang dimasukkan ke dalam MyKad seperti cip bank dan Touch n' Go adakah ianya boleh diguna pakai. Terdapat aduan bahawa ada sebahagian daripada cip ini tidak boleh digunakan. Ia akan merugikan rakyat kerana rakyat terpaksa membayar ganti rugi jika terjadi kerosakan ini.
12. 9-100408
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah penglibatan kakitangan penguatkuasa JPJ semasa 'Ops Sikap' ke-9 dan mengapakah berlaku ketidak keberkesanan 'Ops Sikap' tersebut kerana angka kemalangan dan korban meningkat secara mendadak.

13. 72-100610
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persediaan dan strategi pihak Kerajaan dalam menghadapi kenaikan harga minyak mentah yang diramal meningkat kepada USD\$ 100 setong di penghujung tahun 2005 memandangkan kesan kenaikannya boleh menyumbang ke atas kenaikan harga barangan pengguna dan meningkatkan kos kehidupan rakyat.
14. 56-100093
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pinjaman yang telah diberikan di bawah skim pinjaman PTPTN. Berapakah pinjaman yang belum dibayar balik oleh mereka dan adakah Kerajaan mengambil tindakan untuk meluaskan usahanya untuk memberi bantuan kewangan kepada warganegara Malaysia bagi tujuan pembelajaran.
15. 77-100502
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah seterusnya untuk memastikan pengurangan kadar kematian dan kemalangan jalan raya di musim perayaan memandangkan segala langkah dan kempen sehingga kini masih gagal.
16. 17-100163
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha Polis Diraja Malaysia untuk mencegah gejala rasuah dalam pasukan polis demi meningkatkan imej PDRM dan apakah sasaran yang hendak dicapai untuk setiap tempoh dalam rancangan PDRM.
17. 43-100279
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan kedudukan Malaysia dalam pendidikan dapat meningkat dari No.16 daripada 20 buah negara yang lebih munasabah dan mengapa kemerosotan seperti ini boleh berlaku.
18. 52-100554
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha serta langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan di dalam mengawal penggunaan logo Halal yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan kita oleh syarikat-syarikat mahupun restoran-restoran. Apakah lebih baik jikalau Kerajaan mewajibkan penggunaan logo "Tidak Halal" bagi setiap syarikat-syarikat mahupun restoran-restoran yang mengeluarkan serta menjual makanan-makanan yang tidak halal.
19. 50-100578
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan perlantikan syarikat-syarikat swasta di dalam memastikan tahap selenggaraan jalan-jalan persekutuan dan lebuh raya terpelihara memandangkan masih terdapat pelbagai rungutan pengguna terhadap tahap jalan raya yang buruk pada masa ini.

20. 20-100387
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK) dan berapa ramaikah bilangan yang telah lulus telah dinaikkan pangkat mengikut kategori perkhidmatan masing-masing.
21. 74-100115
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah bilangan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan yang dirancang untuk dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9.
22. 38-100366
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah golongan profesional yang menagih dadah dan sedang menjalani rawatan pemulihan di pusat-pusat serenti seluruh negara.
23. 29-100208
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang melayakkan satu-satu daerah itu mendapat pusat latihan belia dan apakah kementerian bercadang untuk menubuhkan pusat latihan belia di daerah Kluang.
24. 46-100216
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian ekuiti orang-orang Melayu setakat ini dan berapakah bilangan syarikat 100% bumiputera yang tersenarai di BSKL berbanding dengan syarikat-syarikat Cina dan syarikat-syarikat asing.
25. 47-100322
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian KTM setelah ianya diswastakan.
26. 39-100209
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah serta tindakan yang akan diambil dalam usaha memelihara alam sekitar sebagai tarikan pelancongan dan pemuliharaan eko-sistem. Terdapat tindakan sebahagian pengusaha-pengusaha pelancong yang memusnahkan alam sekitar bagi membina hotel dan membangunkan kawasan pelancongan bagi mengaut keuntungan.

27. 76-100517
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan yang akan diambil untuk menentukan para pelajar yang dihantar ke luar negara terutama yang mengikuti kursus kedoktoran dengan pembiayaan biasiswa Kerajaan dan apabila tamat pengajian akan dipastikan untuk berkhidmat di negara ini.
28. 73-100184
Dr. Raja Ram a/l Nadayson minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada tertubuhnya Jawatankuasa Pelawat Balai Polis atau tidak sepertimana tertubuhnya jawatankuasa pelawat hospital dan pusat kesihatan komuniti. Sekiranya tidak, adakah sebarang cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa pelawat balai polis pada masa-masa akan datang.
29. 33-100047
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru-guru yang dilatih setiap tahun untuk menampung tenaga pengajar di seluruh negara. Apakah kelulusan bagi pengambilan guru di peringkat rendah dan menengah.
30. 67-100308
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan agar harga petroleum yang meningkat naik di pasaran tidak menyumbang ke arah kenaikan harga barangan pengguna yang boleh membebankan kehidupan rakyat.
31. 78-100598
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang tiada pengawasan dan kawalan dalam pemberian zakat kepada golongan yang memerlukannya yang sepatutnya menerima zakat tetapi tidak menerima zakat tersebut.
32. 66-100457
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian pernah membuat kajian terhadap sistem atau cara yang terbaik untuk membanteras jenayah seperti kecurian, rogol, ragut dan sebagainya yang menjejaskan imej negara.
33. 58-100467
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah terdapat ramai pemohon bagi kemasukan ke IPTA mendapat tawaran yang tidak mengikut bidang keutamaan pilihan masing-masing.

34. 30-100563
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memperbaiki ataupun mengatasi masalah pengurusan kewangan yang kritikal di sekolah-sekolah di seluruh negara dan tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan kakitangan yang mempunyai pengalaman dalam bidang kewangan bagi mengendalikan masalah tersebut.
35. 20-100407
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah faktor-faktor penyebab utama Bank Islam mengalami kerugian yang teruk. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi menangani isu berkenaan.
36. 57-100364
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian membuat kajian saintifik terhadap pencapaian dan kesan pelaksanaan dasar pengajaran subjek sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris sejak tahun 2002 dan jika ada, apakah keputusan kajian tersebut.
37. 45-100475
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan nama-nama perkampungan setinggan yang masih wujud di Kuala Lumpur dan jumlah penghuni setiap perkampungan tersebut.
38. 65-100148
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bagaimana perimbangan di antara memberikan maklumat (information) dan menyediakan hiburan (entertainment) dapat dicapai sebaik-baiknya melalui TV1.
39. 54-100082
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan warisan budaya asli kaum-kaum pribumi Sarawak dipelihara untuk kepentingan identiti bangsa (bumi Kenyalang) dan untuk tarikan pelancongan.
40. 56-100119
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk membina Mahkamah Keluarga di seluruh Malaysia dan apakah peruntukan dalam Belanjawan Negara yang akan digunakan untuk tujuan tersebut.

41. 29-100243
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian di dalam mempromosikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional yang menawarkan "Matching Grant" kepada golongan yang berpendapatan di bawah RM1,200.00.
42. 67-100297
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah peranan Kementerian di dalam membendung gejala diskriminasi perkauman dan gender daripada berlaku di tempat kerja, terutama di dalam proses kenaikan pangkat dan sebagainya untuk memenuhi visi Kerajaan di dalam kriteria 30% wanita di peringkat pembuat keputusan.
43. 38-100343
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang diambil untuk menangani masalah kemalangan yang membabitkan kenderaan berat yang sering berlaku.
44. 59-100018
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramaikah rakyat negara kita dari golongan profesional yang bekerja di luar negara dan berapa ramai pula yang telah pulang berkhidmat di negara kita sebagai menyambut usaha dan seruan Kerajaan.
45. 37-100005
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisma yang digunakan oleh Kerajaan untuk menentukan subsidi harga petrol dalam negara. Apakah mekanisma ini kurang berdaya saing memandangkan ia hanya menyebabkan harga petrol bergerak ke atas mengikut rentak kenaikan minyak mentah pasaran dunia tetapi penurunan harga tidak pernah berlaku apabila harga pasaran dunia menunjukkan penurunan.
46. 45-100485
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini tahanan ISA di seluruh negara dan jumlah mereka yang dikenakan perintah sekatan kerana faktor keselamatan.
47. 70-100065
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah boleh menimbulkan keadaan kurang selesa antara dua buah negara bila Kementerian menambah bilangan anggota tentera di sempadan Malaysia-Thailand.

48. 17-100161
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan impak MMOG (Massive Multiplayer Online Game) dan MMORPG (Massive Multiplayer Online Role-Playing Game) kepada pelajar dan remaja dan apakah langkah-langkah pembatasan atau regulatori yang akan diambil untuk mengatasi masalah pelajar menumpukan masa yang berpanjangan untuk permainan komputer ini, seperti menghalang pelajar dan remaja bawah sesuatu umur mendaftarkan diri di MMOG dan MMORPG.
49. 76-100527
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan pemodenan atau 'modernisation' di ladang-ladang FELDA bagi membolehkan peneroka mendapat manfaat dan FELDA menjadi penggerak atau penjana pada usaha pemodenan ladang di negara ini memandangkan FELDA memiliki seluas 447,578 hektar tanah ladang.
50. 60-100431
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak melakukan rombakan secara besar-besaran terhadap pengurusan MAS supaya syarikat penerbangan nasional itu mendapat keuntungan semula. Apakah faktor yang menyebabkan sektor untuk laluan antarabangsa itu mengalami kerugian.
51. 77-100491
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan penyertaan 50% bumiputera dalam kontrak pembinaan dan pengurusan syarikat yang diberi projek penswastan dan usaha sama dengan DBKL memandangkan sehingga kini DBKL gagal memantau syarikat-syarikat ini sehingga pelaksanaan projek ini masih dikuasai oleh bukan bumiputera.
52. 44-100333
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menjual Proton atau adakah Kerajaan akan terus melindungi Proton dalam apa jua keadaan; dan
 - (b) apakah pencapaian Proton setakat ini sejak ianya diambil alih oleh pengurusan baru.
53. 62-100626
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam meningkatkan jumlah pusat-pusat kemahiran dan vokasional di kawasan luar bandar kerana didapati kekurangan aktiviti pembangunan minda dan keupayaan bagi lepasan sekolah merupakan punca utama mengapa begitu ramai remaja terlibat dengan gejala sosial dan jenayah.

54. 75-100590
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah peranan UDA Holding Berhad di dalam melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB) telah mencapai sasarannya dan nyatakan jumlah pemilik bumiputera yang telah memiliki premis yang sewajar dimiliki di Lembah Klang serta bandar-bandar terbesar dan nyatakan apakah matlamat Kerajaan ini akan terus terjamin andai kata syarikat lain akan menguasai UDA Holdings Sdn. Bhd.
55. 68-100310
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyelaras bantuan-bantuan bencana alam agar ianya lebih memperjelaskan lagi sumbangan Malaysia.
56. 81-100636
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi-strategi pemasaran yang dilakukan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pilihan kepada pelajar-pelajar luar, adakah Kementerian menetapkan sasaran yang tertentu dari segi bilangan pelajar.
57. 75-100589
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian dan strategi Kementerian apabila melihat kemelut korporat berebut-rebut untuk menguasai sesuatu syarikat perniagaan seperti QSR Brand Berhad dan KFC Holdings Berhad di mana boleh memperlihatkan ketidaktentuan arah antara pihak berkuasa dengan Institusi perundangan di mana akhirnya boleh memberi kesan negatif kepada pelabur asing yang melabur dalam pasaran saham di Malaysia.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 23/2005) Rang Undang-undang Perbekalan 2006 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [13 Disember 2005]**
2. (D.R. 24/2005) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005 **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R. 29/2005) Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 “
4. (D.R.30/2005) Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 “
5. (D.R.27/2005) Rang Undang-undang Kewangan 2005 “
6. (D.R.31/2005) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005 “
7. (D.R. 22/2005) Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 “

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 137	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2001.	14 Disember 2005
ST.138	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2004.	14 Disember 2005
ST.141	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	14 Disember 2005
ST.142	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	14 Disember 2005
ST.200	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Terengganu Tengah (KETENGAH) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	14 Disember 2005